

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (73 )

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PERTANDINGAN BOWLING ANULAE MBPJ 2012.**

Anulae Cawangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menganjurkan pertandingan Tenpin Bowling Anulae MBPJ 2012. Pertandingan ini akan bermula pada 11 Julai 2012, jam 8.00 malam bertempat di Sunway Megalanes, Sunway Pyramid.

Pertandingan ini hanya dibuka kepada ahli Anulae cawangan MBPJ sahaja dan tidak perlu mengikut jantina ataupun jabatan. Hanya acara berkumpulan sahaja akan dipertandingkan yang mana 3 orang peserta akan mewakili setiap pasukan. Setiap penyertaan pula akan dikenakan yuran sebanyak RM100.00 termasuk sewaan kasut dan pihak penganjur tidak akan menyediakan stokin kepada para peserta.

Pemenang di tempat pertama akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM 500.00 beserta hadiah iringan. Di tempat kedua dan ketiga pula, para pemenang akan membawa pulang wang tunai berjumlah RM 300.00 dan RM 200.00 beserta hadiah iringan. Pemenang di tempat ke empat hingga ke sepuluh pula akan menerima hadiah saguhati berupa hamper.

Tarikh tutup penyertaan pada 6 Julai 2012 sebelum jam 5.00 petang. Kepada ahli-ahli Anulea yang berminat boleh terus menghubungi Urusetia, ANULAE Cawangan MBPJ iaitu Encik Hairel Hamdzan@Hamdan.

Di sediakan Oleh:

**Sekretariat Media**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh: 4 Julai 2012

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)

Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)

Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)